



## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBHG. DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG**  
**TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN**  
**WILAYAH**

**SEMPENA**  
**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM**  
**PUSAT KOMUNITI DESA (PKD) *MOBILE***

**16 DISEMBER 2023 | SABTU**

**PUSAT PENJAJA MPKS TAMBIRAT, ASAJAYA**  
**KOTA SAMARAHAN, SARAWAK**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ASSALAMUALAIKUM W.B.T.**

**SALAM SEJAHTERA, SALAM MALAYSIA MADANI**

**DAN SALAM LUAR BANDAR SEJAHTERA,**

1. Alhamdulillah, pertamanya saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi rasa kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya, kita dapat berkumpul pada hari ini sempena **Program Pusat Komuniti Desa (PKD) *Mobile*** anjuran Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) dengan kerjasama Pejabat Residen Bahagian Samarahan, Pejabat Daerah Asajaya dan Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS).

2. Saya merasa amat bertuah dan berbesar hati dapat berhimpun dan bersua muka dengan pemimpin-pemimpin, pegawai-pegawai dan anggota daripada Kementerian/Jabatan dan agensi di bawah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri serta pihak swasta di dalam satu program.
  
3. Sesungguhnya, kehadiran dan penglibatan semua pada hari ini adalah cerminan kepada semangat kebersamaan dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat khususnya penduduk di luar bandar seperti di Kota Samarahan ini.

4. Tahniah dan syabas kepada warga kerja Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti (EK) Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) selaku penganjur program dan Pejabat Residen Bahagian Samarahan, Pejabat Daerah Asajaya serta Majlis Perbandaran Kota Samarahan (MPKS) selaku penganjur bersama yang telah bertungkus lumus menjayakan program **PKD *Mobile*** ini.

5. Sebagai Ahli Parlimen Kota Samarahan ini, sesungguhnya saya berasa amat berbangga dan gembira serta menyambut baik pelaksanaan Program **PKD *Mobile*** di kawasan saya ini.

6. Pelaksanaan program seumpama ini sebenarnya membuktikan komitmen berterusan KKDW sebagai peneraju kemajuan luar bandar dalam mencapai hasrat Kerajaan Perpaduan pada hari ini yang sentiasa meletakkan kesejahteraan dan kebajikan rakyat sebagai keutamaan.

## PENDAHULUAN

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, tuan-tuan,  
puan yang dihormati sekalian,

7. Untuk makluman semua, Pusat Komuniti Desa (PKD) merupakan salah satu inisiatif KKDW dalam usaha untuk membantu meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat luar bandar. PKD terus diperkasa dengan objektif untuk membawa perkhidmatan yang disediakan oleh jabatan / agensi kerajaan dan swasta ke kawasan luar bandar di seluruh pelusuk negara selari dengan konsep PKD sebagai **“Satu Hentian Pelbagai Perkhidmatan”**.

8. Sehingga kini sebanyak **191 buah PKD** di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Di Sarawak, terdapat **6 buah PKD** yang berbentuk fizikal dan setiap daripadanya diuruskan oleh seorang Pengurus iaitu :-

- i. PKD Buntal, Kuching
- ii. PKD Selanyau, Bekenu
- iii. PKD Stass, Bau
- iv. PKD Telian Tengah, Mukah
- v. PKD Pangkat Stumbin, Sri Aman
- vi. PKD RH Jarup Changkul, Lubok Antu

9. Secara umumnya, PKD diwujudkan bertujuan meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan masyarakat luar bandar melalui **lima (5) fungsi dan peranannya** iaitu sebagai **pusat latihan kemahiran dan keusahawanan** di peringkat komuniti contohnya seperti memasak, menjahit, kemahiran teknologi ICT, pembuatan produk kraftangan, gubahan, pembuatan sabun, pembaikan peralatan elektrik dan lain-lain.



10. Selain itu, ia juga berperanan sebagai **pusat aktiviti pemerkasaan wanita** melalui program seperti kesedaran berkaitan kesihatan wanita, bimbingan keusahawanan wanita dan sebagainya. Seterusnya ia juga berperanan sebagai **pusat perkhidmatan setempat, pusat sukarelawan** serta **pusat pengumpulan produk usahawan desa**. Malah, dari segi pendigitalan yang hangat diperkatakan sekarang, PKD turut memainkan peranan penting dalam membantu meningkatkan literasi digital di kalangan komuniti luar bandar melalui program-program yang dilaksanakan di PKD.

**PERUNTUKAN                      BAGI                      PROGRAM  
PEMERKASAAN PUSAT KOMUNITI DESA (PKD)  
DI BAWAH RANCANGAN MALAYSIA KEDUA  
BELAS (RMKe12)**

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, tuan-tuan  
dan puan-puan yang dihormati sekalian,

11. Untuk makluman semua, sebanyak  
**RM4.5 juta** telah diperuntukkan di  
bawah peruntukan pembangunan  
Rancangan Malaysia Kedua Belas  
(RMKe-12) bagi tahun 2023 untuk  
memastikan peranan PKD sebagai hab  
perkhidmatan setempat di kawasan luar  
bandar dapat dicapai dengan jayanya.

12. Sehingga bulan November 2023, sebanyak **6,780 program** telah dilaksanakan oleh PKD di seluruh negara yang memanfaatkan kira-kira **165,590 orang** penduduk luar bandar di seluruh negara khususnya di sekitar lokasi PKD tersebut.

13. Di Sarawak khususnya, sejak tahun 2021 hingga kini, sebanyak **162 program** telah dilaksanakan oleh PKD Negeri Sarawak melibatkan kira-kira **3,585 orang** penduduk luar bandar di khususnya di sekitar lokasi PKD tersebut.

14. Menerusi Ucapan Belanjawan 2024 yang telah dibentangkan pada 13 Oktober 2023 yang lalu, YAB Perdana Menteri juga telah memperuntukkan sejumlah **RM4 juta** khusus untuk memperkasakan pelaksanaan program PKD bagi sepanjang tahun hadapan.

15. Di samping itu, bermula pada tahun lepas juga, KKDW telah mengambil tindakan proaktif dengan membuat penggantian komputer-komputer (PC) dan alat penghawa dingin di setiap PKD demi memberi keselesaan kepada penduduk komuniti luar bandar.

16. Selain daripada itu, KKDW juga telah membangunkan **sistem MyPKD** yang mana saya akan turut melancarkan pada hari ini. Sistem ini bertujuan untuk memastikan pengoperasian serta pengurusan bertambah baik dan cekap. Di samping itu juga, ia dapat membantu meningkatkan prestasi dan mutu kerja Pengurus-Pengurus PKD seiring dengan perkembangan teknologi digital.

# PKD *MOBILE* SEBAGAI PROGRAM RINTIS KKDW

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

17. Bermula tahun 2023 **Program PKD *Mobile*** telah diperkenalkan dan dijadikan sebagai salah satu daripada *quick wins* KKDW dengan hasrat bagi memastikan perkhidmatan Jabatan dan Agensi Kerajaan termasuk swasta dapat menyantuti penduduk luar bandar lebih menyeluruh dan inklusif.

18. Secara umumnya, pelaksanaan program ini melibatkan **kawasan yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan PKD** sedia ada atau yang terletak jauh dari bandar.

19. Untuk makluman semua, PKD *Mobile* sebanyak tiga (3) siri secara rintis telah diadakan sepanjang tahun 2023 ini. Siri pertama telah dilaksanakan pada 14 Oktober 2023 bertempat di Arena Amanjaya Lawin, Gerik, Perak yang melibatkan sebanyak **16 buah** kementerian, jabatan, agensi Kerajaan dan swasta dengan kehadiran seramai **1,352 orang** pengunjung.

20. Siri kedua pula telah diadakan di Daerah Nabawan, Sabah dengan penglibatan sebanyak **26 buah** kementerian, jabatan, agensi Kerajaan dan pihak swasta dengan kehadiran seramai **1,161 orang** pengunjung yang rata-rata merupakan penduduk luar bandar di daerah Nabawan.

21. Bagi pelaksanaan siri ketiga pula, seperti yang anda saksikan sendiri hari ini, KKDW telah membawakan Program *PKD Mobile* ke Asajaya, khusus untuk penduduk-penduduk di sekitar kawasan daerah ini.



22. Saya dimaklumkan sebanyak **23 buah** kementerian, jabatan, agensi Kerajaan dan swasta terlibat pada hari ini yang mana akan menyediakan pelbagai bentuk perkhidmatan, bantuan, khidmat nasihat dan aktiviti kepada komuniti Kota Samarahan khasnya di Asajaya ini.

23. Saya percaya kaedah khidmat nasihat secara bersemuka ini lebih memberi pemahaman dan pengetahuan yang sangat berguna berbanding hanya secara pembacaan menerusi internet atau bahan bacaan lain khususnya yang melibatkan isu-isu berkaitan kesihatan.

24. Para pengunjung turut berpeluang untuk mengutarakan pelbagai persoalan secara terus kepada jabatan dan agensi yang berkaitan mengenai permasalahan atau isu yang dihadapi oleh penduduk khususnya di Kota Samarahan ini.

25. Saya turut difahamkan pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang hari ini seperti *pocket talk* oleh Suruhanjaya Sekuriti (SECCOM), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) serta E-Lokal dan juga latihan kemahiran berkaitan hidroponik dan juga *decoupage* turut dilaksanakan.

26. Selain itu, terdapat juga aktiviti sampingan disajikan kepada para pengunjung seperti Pentarama yang dilaksanakan dengan kerjasama Radio Televisyen Malaysia (RTM), pertandingan karaoke terbuka, cabutan bertuah, kuiz *virtual reality*, permainan dam ular gergasi dan pameran Malaysia Madani Interaktif.

27. Dan yang paling istimewa, atas keprihatan dan dasar Kerajaan Madani untuk mengurangkan beban sara hidup rakyat, maka hari ini dibawakan kepada kita Jualan Rahmah untuk semua warga yang hadir di PKD *Mobile* ini.

28. Jualan Rahmah yang diterajui oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) menawarkan harga barang-barang keperluan seperti minyak masak, gula dan lain-lain di bawah harga pasaran semasa. Maka jangan lepaskan peluang ini, jemputlah ahli-ahli keluarga, rakan-rakan, saudara-saudara dan jiran-jiran anda semua untuk datang beramai-ramai ke PKD *Mobile* pada hari ini untuk mendapatkan barangan keperluan harian anda dengan harga yang istimewa.

29. Selain itu, saya juga difahamkan bahawa syarikat E-Lokal turut melaksanakan proses *onboarding* untuk membantu usahawan-usahawan di luar bandar yang berpotensi untuk memasarkan produk-produk mereka secara dalam talian menerusi platform Desamall. Dengan demikian, ia bukan sahaja memberikan kelebihan kepada usahawan di luar bandar, malah dalam jangka panjang ia dapat mengurangkan penghijrahan anak muda ke bandar.

## **PENUTUP**

Datuk-Datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

30. Dengan adanya peluang dan inisiatif seperti ini, saya berharap agar sinergi kerjasama dan komitmen berterusan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri termasuk pihak swasta terus diperkukuh dalam melaksanakan segala yang telah dirancang dengan lances dan jayanya.

31. Harapan saya agar program PKD *Mobile* ini dapat diteruskan secara konsisten kerana saya yakin ianya dapat memberi impak yang signifikan kepada kesejahteraan masyarakat di luar bandar khususnya di daerah Asajaya dan Kota Samarahan ini.

32. Sebelum mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga kerja yang terlibat dalam menjayakan Program PKD *Mobile* ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan atas kejayaan dalam merangka, merancang dan melaksanakan program seumpama ini.

33. Akhir kata, dengan lafaz suci **Bismillahirrahmanirrahim** saya dengan sukacitanya **melancarkan Sistem MyPKD dan seterusnya** merasmikan **Program PKD *Mobile* di Pusat Penjaja MPKS Tambirat, Asajaya** dengan rasminya.

**Sekian.**

**Wabillahitaufik Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi**

**Wabarakatuh.**

**YBHG. DATUK HAJAH RUBIAH BINTI HAJI WANG  
TIMBALAN MENTERI KEMAJUAN DESA DAN  
WILAYAH**



16 Desember 2023